

Akta Badan Pencegah Rasuah ganti BSN

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Usaha pentadbiran Mahathir-Musa untuk memerangi rasuah akan bertambah hebat dan kukuh bila Akta Badan Pencegah Rasuah (BPR) 1982, dikuatkuasakan di negara ini tidak lama lagi.

Akta BPR 1982 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat minggu depan akan memansuhkan Akta Biro Siasatan Negara (BSN) 1973. Bagaimanapun, Akta BPR 1982 akan mengkanunkan semula sebahagian besar peruntukan Akta BSN.

Di antara peruntukan baru dalam Akta BPR 1982 ialah: "Semua pegawai badan ini adalah anggota Perkhidmatan Awam Am Persekutuan."

"Pengarahnya yang mempunyai kuasa Timbalan Pendakwa Raya, boleh mengeluarkan perintah tadbir yang dipanggil "Perintah-perintah Tetap", yang tidak bertentangan dengan peruntukan Akta untuk pengawasan am, latihan, tugas dan kewajiban pegawai-pegawai badan dan bagi apa-apa perkara lain yang perlu atau bermanfaat untuk kebaikan pentadbiran badan dan mengelakkan penyalahgunaan kuasa."

Penggubalan Akta BPR 1982, setelah sekian lama diteliti oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang berazam agar badan itu memusatkan tenaga mereka untuk mencegah rasuah sahaja.

Datuk Seri Dr. Mahathir sewaktu mengilhamkan penukaran nama badan itu berkata, BSN sekarang banyak menghabiskan masa menyiasat perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan rasuah, seperti harga dan mutu barangan.

Bellau berkata, untuk memastikan badan itu benar-benar mencapai matlamatnya, para pegawainya akan dipilih dari mereka yang benar-benar jujur, dedikasi dari kalangan politik, pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan polis.